

Kayu pengukur taraf hidup perlu diperluaskan — PM

KUALA LUMPUR 22 Jan. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu pengukuran taraf hidup sesebuah negara dibuat berdasarkan skop yang lebih luas merangkumi aspek kestabilan politik, kemajuan masyarakat dan kualiti hidup, bukan sekadar bergantung pada angka-angka ekonomi yang diukur berdasarkan nilai matawang Amerika.

Dalam konteks Malaysia, misalnya, kata Perdana Menteri, penilaian taraf hidupnya tidak patut dikira sekadar bergantung jumlah pendapatan perkapita yang diukur mengikut dolar Amerika.

"Untuk Malaysia, penilaian taraf hidup kami perlu dinilai melampaui angka-angka ekonomi — rekod kami menunjukkan pengekal kestabilan politik, kemajuan dalam keadilan sosial, peningkatan dalam kualiti hidup dan pengukuhan etika dan nilai moral."

Dengan kadar tukaran asing

yang sentiasa turun naik yang kebiasaannya tidak mengikut pencapaian ekonomi, pendapatan perkapita dalam dolar Amerika tidak menunjukkan apa-apa makna, tegasnya semasa berucap merasmikan Persidangan Ke-27 Bank-Bank Pusat Asia Tenggara (SEACEN) di sini hari ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir menekankan, dolar Amerika bukanlah matawang yang stabil, apabila nilainya naik berbanding dengan ringgit, pendapatan perkapita negara ini turun dan sebaliknya berlaku apabila nilai dolar itu turun.

Lebih merumitkan lagi keadaan ini, kata beliau, nilai dolar Amerika mungkin turun berbanding dengan ringgit tetapi pada masa yang sama nilai yen Jepun meningkat.

"Sebagai sebuah negara yang 25 peratus daripada perdagangannya dibuat dengan Jepun, kita akan mendapati pendapatan perkapita naik te-

tapi terpaksa berbelanja lebih untuk membeli barang-barang Jepun," katanya.

Beliau menyatakan, ketepatan pendapatan perkapita sebagai kayu pengukur untuk apa tujuan sekalipun adalah terhad dan yang paling jelas ia adalah anggaran yang tidak jelas tentang kuasa membeli dalam sesebuah negara.

Sebagai contoh, kata Perdana Menteri, sebuku burger MacDonald, *Big Mac* di sini adalah kira-kira tiga kali ganda lebih murah harganya daripada di Amerika Syarikat dan lima kali ganda lebih rendah dari harga di London.

Lebih daripada itu, katanya, pendapatan perkapita tidak memberi perhatian kepada peningkatan dalam kualiti hidup, pengurangan dalam ketidakadilan pendapatan, keperluan sosial dan pendidikan serta persekitaran yang bersih.

"Dalam semua hal berkenaan kita telah mencapai kejayaan yang pesat," ujarnya.

Sehubungan dengan itu beliau mahu gabenor-gabenor bank pusat yang ada di sini hari ini mengambil langkah tertentu untuk menghasilkan satu kayu ukuran yang praktikal dan munasabah bagi mengukur taraf hidup di semua negara.

Dengan adanya usaha seperti ini, kata beliau, semua negara boleh membuat penilaian yang lebih baik terhadap pencapaian dan kelemahan masing-masing dan pihak lain pula dapat membuat penilaian yang lebih tepat terhadap negara-negara berkenaan.

"Jika anda semua berjaya dalam usaha ini, anda akan membuat sumbangan positif kepada bagaimana dunia boleh memahami aspirasi nasional, bagaimana dunia sepatutnya melihat dirinya sendiri dan ini akan menjamin hasil kemajuan ekonomi akan sentiasa dinilai berdasarkan kebajikan ekonomi dan sosial rakyat sesebuah negara itu," ujarnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga mahukan semua negara anggota SEACEN meningkat, mengumpul dan menggunakan sebaiknya sumber-sumber serta berkongsi pasaran serantau.

"Kerjasama serantau di dunia sebelah sini mempunyai potensi besar untuk meningkatkan kemajuan ekonomi semua negara kerana peningkatan yang berterusan di rantau ini akan mengurangkan kesan turun naik ekonomi antarabangsa terhadap kita.

"Perdagangan yang lebih besar antara kita juga akan membolehkan kita menggunakan sepenuhnya kelebihan pengeluaran berskil besar, mewujudkan pergantungan antara satu sama lain yang lebih bermakna dan mempercepatkan proses perindustrian," jelasnya.